



UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN SARAWAK (UNIONS)
JABATAN PREMIER SARAWAK,
ARAS 7 (SAYAP KIRI),
BANGUNAN BAITUL MAKMUR II,
MEDAN RAYA, PETRA JAYA
93050 KUCHING, SARAWAK

No. Tel : 082-510881
No. Faks : 082-311374

PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2026

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan Sarawak KEPADA : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Sarawak
Semua Ketua Jabatan Badan
Berkanun Sarawak
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan Sarawak

SALINAN :
KEPADA

PERKARA : PELAKSANAAN STRATEGI ANTIRASUAH ORGANISASI
(*ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION STRATEGY*) DI KERAJAAN
SARAWAK

RUJUKAN : JPS/UNIONS/ 800-1/2/1 TARIKH : 25 FEB 2026
JU. 2 (73)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan, menetapkan serta menguatkuasakan pelaksanaan Strategi Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Strategy* – OACS) di semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak sebagai satu keperluan tadbir urus yang bersifat mandatori.
- 1.2 Pekeliling ini merupakan kesinambungan daripada Pekeliling Integriti Negeri Sarawak (PINS) Bilangan 1 Tahun 2020 – Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), selaras dengan perubahan dasar antirasuah di peringkat nasional yang menekankan pendekatan berasaskan penilaian risiko, keberhasilan dan kemampuan.
- 1.3 Pelaksanaan OACS bertujuan untuk memastikan setiap agensi di Sarawak mempunyai satu pelan pencegahan rasuah yang berfokus, strategik dan berimpak tinggi, yang bukan sahaja menumpukan kepada pematuhan dasar, malah menyokong pencapaian objektif organisasi secara berintegriti, telus dan bertanggungjawab.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Persekutuan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023, Siri 2 No. 2 Tahun 2024 – Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) telah menetapkan hala tuju nasional bagi memperkukuh sistem tatakelola, integriti dan pembanterasan rasuah dalam keseluruhan ekosistem pentadbiran kerajaan.
- 2.2 Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) dengan visi “Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur” merupakan dasar antirasuah Kerajaan Persekutuan yang hendaklah diterima pakai dan dilaksanakan oleh semua kementerian, jabatan, agensi awam serta kerajaan negeri sebagai komitmen bersama ke arah mewujudkan pentadbiran awam yang bebas daripada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- 2.3 Di bawah Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam – Substrategi 18, NACS telah menetapkan kewajipan kepada sektor awam untuk membangunkan satu pelan pencegahan rasuah organisasi yang dirangka berdasarkan penilaian risiko rasuah secara sistematik dengan khidmat nasihat dan sokongan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 2.4 Kerajaan Sarawak komited untuk memastikan integriti, tatakelola yang baik dan inisiatif antirasuah terus menjadi asas utama dalam sistem pentadbiran. Usaha memperkukuhkan nilai-nilai ini adalah sejajar dengan aspirasi Sarawak untuk mencapai status wilayah maju menjelang 2030, seperti yang terkandung dalam Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).
- 2.5 Sehubungan itu, Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) diperkenalkan sebagai pelan pencegahan rasuah organisasi yang lebih komprehensif dan berorientasikan hasil, bagi meneruskan kesinambungan pendekatan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang dilaksanakan sebelum ini.
- 2.6 Pelaksanaan OACS di Kerajaan Sarawak adalah selaras dengan hala tuju pembangunan Sarawak sebagaimana yang digariskan dalam PCDS 2030, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) Sarawak dan *Sarawak Digital Economy Blueprint 2030*, yang menekankan kepentingan integriti, tatakelola baik, ketelusan serta kecekapan perkhidmatan awam sebagai pemacu utama pembangunan sosioekonomi yang mampan.

3.0 DEFINISI

- 3.1 Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) merujuk kepada dasar antirasuah di peringkat Kerajaan Persekutuan yang menetapkan hala tuju strategik pembanterasan rasuah di peringkat nasional.
- 3.2 Strategi Antirasuah Organisasi (OACS) merujuk kepada pelan pencegahan rasuah di peringkat organisasi khususnya di Sarawak yang dibangunkan secara sistematik berdasarkan penilaian risiko rasuah, bagi menangani isu-isu tatakelola, integriti dan rasuah.

4.0 SKOP PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua:
 - 4.1.1 Kementerian;
 - 4.1.2 Jabatan;
 - 4.1.3 Pentadbiran Bahagian;
 - 4.1.4 Badan Berkanun Negeri; dan
 - 4.1.5 Pihak Berkuasa Tempatan.

5.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TERTINGGI

- 5.1 Semua Ketua Jabatan hendaklah:
 - 5.1.1 menerajui pelaksanaan OACS di organisasi masing-masing;
 - 5.1.2 memperuntukkan sumber yang mencukupi bagi pembangunan dan pelaksanaan OACS; dan
 - 5.1.3 memastikan pematuhan berterusan terhadap OACS sebagai sebahagian daripada sistem tadbir urus organisasi.

6.0 LANGKAH PEMBANGUNAN STRATEGI ANTIRASUAH ORGANISASI (OACS)

6.1 Keperluan Pembangunan OACS

- 6.1.1 OACS merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bersifat mandatori dan berfungsi sebagai instrumen utama bagi mengenal pasti, menangani serta mengurus risiko rasuah, kelemahan tatakelola dan isu integriti secara sistematik.
- 6.1.2 Pembangunan OACS hendaklah dilaksanakan dengan mendapatkan khidmat nasihat, panduan teknikal dan sokongan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau fasilitator yang telah dilantik oleh pihak UNIONS yang terdiri dari Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak bagi memastikan pelan yang dirangka adalah selaras dengan amalan terbaik antirasuah.
- 6.1.3 Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACS hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan dan diselaraskan oleh Unit Integriti masing-masing. Unit Integriti agensi berperanan memantau, menilai dan melaporkan pencapaian pelaksanaan pelan secara berkala kepada pengurusan tertinggi organisasi serta memastikan pelaksanaan pelan dilaksanakan secara sistematik, konsisten dan berkesan.
- 6.1.4 Tempoh pelaksanaan OACS hendaklah ditetapkan bagi tempoh tiga (3) atau lima (5) tahun, tertakluk kepada keperluan, tahap risiko dan kompleksiti fungsi organisasi masing-masing.
- 6.1.5 Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) peringkat agensi masing-masing hendaklah berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan pelan ini. Jika terdapat isu bersifat generik yang perlu diselesaikan pada peringkat yang lebih tinggi, isu tersebut perlu diangkat ke Mesyuarat JTK Peringkat Sarawak (JTK-Sarawak).

6.2 Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACS

- 6.2.1 Setiap organisasi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACS yang dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi organisasi bagi memastikan kepimpinan, hala tuju dan komitmen yang jelas dalam pembangunan strategi berkenaan.
- 6.2.2 Jawatankuasa ini hendaklah diurusetikan oleh Unit Integriti atau unit yang bertanggungjawab mengendalikan fungsi integriti, tatakelola dan antirasuah, serta bertindak sebagai sekretariat penyelarasan kepada keseluruhan proses pembangunan OACS.
- 6.2.3 Ahli jawatankuasa berkenaan hendaklah dianggotai setiap wakil bahagian / seksyen / cawangan / unit dalam organisasi berkenaan. Pelaporan perkembangan pembangunan pelan ini kepada pengurusan tertinggi organisasi hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sebulan sekali sehingga pembangunan OACS agensi selesai.
- 6.2.4 Bagi memastikan jawatankuasa dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan, pengurusan tertinggi organisasi hendaklah memperuntukkan sumber (kewangan, tenaga dan logistik) dan memberi autoriti kepada jawatankuasa berkenaan untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

6.3 Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko Rasuah

- 6.3.1 Semakan terhadap keberkesanan pelan antirasuah atau mana-mana pelan terdahulu yang seumpamanya hendaklah dilaksanakan sebelum meneruskan Pembangunan OACS.
- 6.3.2 Organisasi juga hendaklah melaksanakan analisis persekitaran dalaman dan luaran bagi mengenal pasti isu, cabaran serta kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah yang wujud dalam pelaksanaan fungsi dan penyampaian perkhidmatan.
- 6.3.3 Penilaian Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment*) hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan bantuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengenal pasti risiko

rasuah utama berdasarkan fungsi, kuasa, peruntukan kewangan, penglibatan pihak berkepentingan, pihak ketiga serta keberkesanan mekanisme kawalan dalaman sedia ada.

6.4 Menetapkan Halatuju dan Merangka Pelan

- 6.4.1 Berdasarkan hasil analisis persekitaran dan penilaian risiko rasuah yang telah dilaksanakan, organisasi hendaklah menetapkan halatuju strategik OACS secara jelas dengan mengambil kira isu, kelemahan serta punca risiko rasuah yang dikenal pasti.
- 6.4.2 Dalam proses tersebut, organisasi hendaklah mengenal pasti bidang keutamaan, merangka visi, misi dan matlamat pelan serta mendukung visi, misi dan objektif hala tuju pembangunan Sarawak.
- 6.4.3 OACS yang dirangka hendaklah mengandungi kerangka strategik yang komprehensif merangkumi strategi, objektif strategik, pelan tindakan, penetapan peneraju bagi setiap inisiatif, tempoh pelaksanaan serta indikator prestasi bagi mengukur tahap pencapaian dan keberkesanan (*outcome*) pelaksanaan pelan.
- 6.4.4 Organisasi juga digalakkan melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan yang berkaitan serta mempertimbangkan elemen perancangan senario bagi mengenal pasti risiko baharu yang berpotensi menjejaskan organisasi dalam jangka masa panjang.

6.5 Pengesahan dan Persetujuan Pengurusan Tertinggi Organisasi

- 6.5.1 Draf OACS yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelan hendaklah dikemukakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Organisasi untuk dipertimbang dan mendapat kelulusan.

6.6 Hebahan dan Pemakluman Pelan

- 6.6.1 Pelan yang telah diluluskan hendaklah didokumenkan dan diedarkan kepada setiap warga untuk rujukan dan panduan pelaksanaan.

- 6.6.2 Dokumen OACS juga hendaklah disiarkan dan dimuatnaik dalam laman sesawang agensi masing-masing bagi menunjukkan komitmen terhadap pelaksanaan memperkukuh sistem tatakelola, integriti dan pambanterasan rasuah dalam keseluruhan ekosistem pentadbiran kerajaan.
- 6.6.3 Sesi penerangan kepada setiap warga perlu diadakan bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap pelan yang telah dibangunkan.
- 6.6.4 Salinan rasmi dokumen OACS agensi hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (u.p. Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak) untuk tujuan rekod dan pemantauan pelaksanaannya.

6.7 Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan

- 6.7.1 Unit Integriti agensi adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan OACS di agensi masing-masing. Pelaporan terhadap pelaksanaan inisiatif hendaklah dilaporkan di dalam Mesyuarat JTK agensi tiga (3) kali setahun selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak (PINS) Bilangan 1 Tahun 2024.
- 6.7.2 Laporan pencapaian pelaksanaan OACS juga hendaklah dikemukakan setiap suku tahun kepada Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) melalui Status Pelaksanaan Kemajuan OACS (SKP-OACS).
- 6.7.3 Status pelaksanaan OACS juga akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Sarawak (JTK-Sarawak) oleh UNIONS.

6.8 Semakan semula dan pembaharuan

- 6.8.1 Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACS hendaklah dilaksanakan setahun sekali.
- 6.8.2 Tindakan pembaharuan pelan hendaklah dilaksanakan pada akhir tempoh pelan dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.

7.0 TARIKH KUATKUASA

7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak